

# Hamada buka dimensi baharu

## Yakult dan sukan tidak dapat dipisahkan

“Yakult bukanlah ingin menjadi juara kepada perkembangan bola sepak negara, tapi sekadar membantu merencanakan industri bola sepak di Malaysia selaras dengan kewujudan jenama ini di pasaran yang bertujuan membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat negara ini.”

Itulah perkara pertama diucapkan Pengarah Urusan Yakult Malaysia Sdn Bhd, Hiroshi Hamada ketika sesi pertemuan dengan wartawan *Sukan Sinar* baru-baru ini.

Penglibatan Yakult Malaysia dalam arena bola sepak tanah air bukanlah satu perkara baharu. Ia bermula semenjak lima tahun lalu. Selain sukan bola sepak, Yakult juga sentiasa memberikan sokongan kepada sukan lain di negara ini sehingga menjadikan jenama susu probiotik itu tidak asing lagi bagi peminat sukan tanah air.

Sumbangan Hamada terhadap pembangunan bola sepak tanah air bermula melalui program khidmat masyarakat (CSR) dengan menderma kasut bola sepak kepada sekolah-sekolah terpilih, seterusnya menaja pasukan bola sepak Kelantan dan menjadi penasaja kepada



Hamada (dua dari kiri) bersama ketua jurulatih skuad bawah 22 tahun negara, Ong Kim Swee (kiri) dan Presiden FAM, Datuk Hamidin Mohd Amin (dua dari kanan) pada majlis pelancaran penajaan Yakult bersama FAM.

Institut Sukan Negara (ISN) dan juga Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) sekali gus diiktiraf sebagai minuman rasmi ISN serta FAM.

Tidak terhenti di situ, kejayaan Hamada membawa Hadi Fayadh Abdul Razak menyertai pasukan Fagiano Okayama di Jepun turut menjadi bualan peminat bola sepak negara.

“Hadi ada memberitahu bahawa dia berminat mencari pengalaman di luar negara sewaktu Piala Sanix di Fukuoka, Jepun pada tahun 2017.

“Selepas kejohanan itu, saya ada menghantar maklumat berkaitan beliau kepada kelab-kelab di Jepun sehingga terpilih untuk bersama dengan Kelab Fagiano Okayama.

“Kejayaan Hadi menyertai Fagiano Okayama turut menjadi kejayaan kami juga di sini. Saya sentiasa mengikuti perkembangannya melalui maklum balas diberikan pengurusan pasukan.

### BIODATA

Nama Penuh: Hiroshi Hamada  
Tempat lahir: Osaka, Japan  
Umur: 52 tahun  
Pendidikan: Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Osaka



Hamada (kanan) dan Hadi Fayadh (tengah) selepas memeterai kontrak bersama Kelab Divisyen 2, Fagiano Okayama Disember tahun lalu.

### Usaha berterusan Yakult

“Jadi saya mengharapkan kejayaan beliau dapat menjadi perangsang kepada remaja di Malaysia untuk berani melangkah jauh dalam arena bola sepak negara,” katanya.

Selain dari itu, Yakult turut memberikan fokus kepada pembangunan bola sepak akar umbi. Perkara ini dapat dilihat melalui penajaan program ASEAN Dream Team (ADP), sebuah program

yang di anjurkan Kelab Bola Sepak Liga 1 Jepun, Cerezo Osaka dan TV Osaka dan juga program Yakult Global Cup 2019.

ADP merupakan sebuah program pembangunan bola sepak akar umbi dan juga program realiti TV yang memilih lima pemain terbaik Malaysia yang berumur 15 tahun untuk mencari pengalaman beraksi bersama Kelab Cerezo Osaka di Jepun.

Program ini juga diadakan di dua buah negara lagi iaitu Thailand dan Myanmar dengan matlamat yang sama di mana peserta yang terpilih akan mewakili negara masing-masing pada Ogos ini bagi menjalani latihan bersama Kelab Cerezo Osaka, Jepun.

Yakult Global Cup 2019 pula merupakan pertandingan bola sepak bawah 12 tahun yang diadakan di empat zon terpilih di seluruh negara di mana peringkat akhir akan diadakan di Majlis Sukan Negara pada 27 dan 28 Julai 2019. Menariknya, pemenang bagi pertandingan ini akan dibawa ke Jepun bagi menyertai Kejohanan Global Cup di Osaka pada 14 September nanti.

Kedua-dua projek ini merupakan inisiatif Hamada dalam memberikan satu pengalaman antarabangsa kepada pemain remaja yang terlibat.

Manakala ASEAN Dream Project dan Yakult Global Cup 2019 merupakan inisiatif yang diambil dalam menyokong pembangunan bola sepak akar umbi.

Hamada berkata, pihaknya turut bekerjasama dengan Program Pembangunan Bolasepak Negara (NFDP) di bawah Majlis Sukan Negara dan juga Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melahirkan pemain remaja yang berkualiti.



Yakult turut menyalurkan sumbangan terhadap penglibatan sukan di peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2018.

